

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 JUNE 2016

Palsu tandatangan Deklarasi Mahathir, PKR buat laporan polis

um - 12/6/2016

KUALA LUMPUR 10 Jun - Kelab Akar Umbi PKR Selangor hari ini membuat laporan polis berhubung isu jual beli maklumat peribadi dan tandatangan palsu untuk digunakan dalam Deklarasi Mahathir yang digerakkan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pakatan pembangkang.

Setiausahanya, Kamaruljas Abdullah yang mempertikaikan kesahihan 1.2 juta tandatangan yang digunakan dalam deklarasi itu turut meminta polis menerusi Jabatan Forensik menyiasat setiap tandatangan itu.

"Kami terpanggil untuk membuat laporan ini kerana tidak mahu deklarasi dengan tandatangan palsu dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

"Kamu juga mahu polis mendapatkan data setiap penama tandatangan bagi mengelakkan nama mereka digunakan tanpa pengetahuan," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang di sini.

Sebelum ini, Dr. Mahathir mengaku lebih 300,000 tandatangan yang mempunyai unsur penipuan telah dikeluarkan daripada senarai deklarasi kerana ada segelintir mereka yang menandatangani lebih daripada sekali dan ada juga tandatangan berasal daripada nombor kad pengenalan yang sama.

Tambah Kamaruljas, Kelab Akar Umbi PKR turut membuat laporan polis selepas membaca artikel bertajuk 'Tandatangan Palsu' yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Beliau juga memberitahu, setakat ini, dua laporan polis telah dibuat di Kedah serta Kelantan dan terbaharu di Selangor, hari ini.

Sementara itu, pengaturcara



PENGERUSI Kelab Akar Umbi Parti Keadilan Rakyat (PKR), Johari Musa (kiri) dan Kamaruljas Abdullah menunjukkan surat salinan laporan polis setelah membuat laporan polis dakwaan penipuan Deklarasi Rakyat Tun Mahathir di IPD Ampang Jaya, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/JEFFRI IRAN

komputer bebas, Azharuddin Othman menafikan telah mengeluarkan akuan bersumpah baharu yang menyatakan beliau telah membuat pusingan U berkenaan urusan niaga menjual pangkalan data untuk keperluan projek Deklarasi Mahathir.

Azharuddin berkata, akuan bersumpah yang tersebar di laman sosial dan portal propembangkang itu tidak dihasilkannya.

"Secara jujur saya amat terkejut dengan akuan bersumpah yang tersebar semalam. Kenapa sampai boleh jadi macam ini?"

"Pada mulanya saya tak setuju (untuk buat sidang akhbar) tetapi selepas dinasihatkan oleh Chegubard, saya bersetuju men-

jelaskan perkara sebenar berkenaan saya telah membuat pusingan U," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Penyelaras Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shaharin atau lebih dikenali sebagai Chegubard.

Azharuddin pada 26 Mei lalu dalam akuan bersumpah mengaku terlibat dengan urusan niaga menjual pangkalan data penduduk negara ini bagi mendapatkan 1.2 juta tandatangan untuk keperluan projek Deklarasi Mahathir yang digerakkan Dr. Mahathir dan pakatan pembangkang.